

## **KESAN MATA PELAJARAN SEJARAH TERHADAP PANDANGAN MAHASISWA KE ATAS SISTEM RAJA BERPERLEMBAGAAN DI MALAYSIA**

<sup>1</sup>Rohayu Ab Majid, <sup>2</sup>Zainal Kling, <sup>3</sup>Ismarani Ismail, <sup>4</sup>Mohd Nazrul Mohd Amin, <sup>5</sup>Zahariah Sahudin,  
<sup>6</sup>Mohd Yunus Abu Samah

<sup>2</sup>Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu  
<sup>1,3,4,5,6</sup>Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA

<sup>1</sup>rohayumajid@uitm.edu.my, <sup>2</sup>zainalkling@uitm.edu.my <sup>3</sup>ismarani@uitm.edu.my, <sup>4</sup>nazrul840@uitm.edu.my,  
<sup>5</sup>zahariah128@uitm.edu.my, <sup>6</sup>mohdyunus@uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

Sejarah merupakan salah satu matapelajaran teras yang diajar disekolah menengah. Peruntukan silibus mata pelajaran sejarah amnya telah memberikan inspirasi kepada pelajarnya dalam usaha memahami sejarah ketamadunan Melayu sekaligus menyemarakkan semangat perpaduan dikalangan rakyat Malaysia. Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia yang merupakan sebahagian kandungan pengajaran sejarah membuatkan ia sangat penting dalam mewujudkan persepsi positif dikalangan warga Malaysia ke atas Sistem Raja Berpelembagaan. Namun persepsi yang wujud dikalangan mahasiswa terhadap institusi beraja ini agak berbeza. Justeru kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh mana keberkesanan pengajaran mata pelajaran sejarah ini keatas minda pelajar yang akhirnya merupakan mahasiswa universiti, sekaligus membentuk ideologi mereka ke atas sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Kajian ini dijalankan keatas 305 mahasiswa yang baru mendaftar sebagai pelajar UiTM di kampus Shah Alam. Borang soal selidik yang merupakan instrument penyelidikan dibangunkan dalam 2 bahagian iaitu profil responden dan pengajaran mata pelajaran sejarah. Pembelajaran mata pelajaran sejarah pula diwakili oleh 8 item penilaian yang melibatkan aspek kandungan dan penyampaian mata pelajaran. Data kajian dijalankan analisis deskriptif dan inferensi iaitu skor purata dan Korelasi *Person-Chi Square*. Hasil analisis menunjukkan bahawa pengajaran mata pelajaran sejarah adalah signifikan dan memberikan impak yang tinggi ke atas pandangan mahasiswa terhadap Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia.

**Kata Kunci:** Kesan, mata pelajaran sejarah, sekolah, sistem Raja Berpelembagaan, mahasiswa

## PENGENALAN

Peruntukan mata pelajaran sejarah dalam sistem pendidikan Malaysia bukanlah perkara yang baru dilaksanakan. Usaha perlaksanaannya telah bermula sejak wujudnya sistem pendidikan negara. Sejajar dengan objektifnya, peruntukan silibus yang dikemaskini dari masa kesemasa telah berjaya membuatkan golongan muda khasnya pelajar sekolah dan mahasiswa lebih menghargai kedaulatan dan kemakmuran negara ([Samsudin dan Shaharuddin, 2012](#)). Hal demikian kerana kandungan Sistem Raja Berpelembagaan yang diperuntukkan dalam silibus mata pelajaran sejarah ini telah berjaya mengupas informasi sebenar akan kepentingan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu di Malaysia. Pembelajaran mata pelajaran sejarah disekolah memerlukan pelajar meneroka idea dan fakta yang kompleks yang menjurus kepada kemahiran berfikir ([Kaviza, 2019b; Talin, 2015](#)). Perkara ini telah berjaya menyerap ke dalam jiwa rakyat Malaysia, meresapi minda warga belia sekaligus memberi signal akan kepentingan raja-raja Melayu dalam Sistem Raja Berpelembagaan Malaysia.

Namun arus kemodenan masa kini sedikit sebanyak telah menumpahkan tempiasnya. Warga muda kini banyak terdedah dengan pelbagai isu semasa yang disalurkan dari masa kesemasa oleh media. Ada kalanya maklumat yang diterima jauh sekali dari faktanya, namun ia terus mempengaruhi minda mahasiswa tanpa usul periksa yang sewajarnya.

Rentetan itu, pelbagai aspek bermain diminda warga Malaysia sehingga menimbulkan tanda tanya ke atas kewajaran sistem Raja Berpelembagaan Di Malaysia. Walhal institusi beraja ini amatlah penting untuk diperdaulatkan bagi menjamin keselamatan yang mampan di Malaysia ([Jamian et al, 2017](#)). Mata pelajaran sejarah yang disampaikan disekolah sewajarnya menjadi pemangkin dalam memartabatkan sistem perlembagaan di Malaysia ([Samsudin dan Shaharuddin, 2012](#)). Sehubungan itu kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh mana pembelajaran mata pelajaran sejarah ini memberi impak keatas pandangan golongan muda khasnya para mahasiswa yang bertanggungjawab mendaulatkan institusi beraja di negara ini.

## ULASAN KARYA

Sistem Raja Berpelembagaan merupakan sistem yang unik ([Samsudin dan Shaharuddin, 2012](#)) dan mengiktiraf raja sebagai ketua negara dalam sebuah kerajaan ([Muslim dan Buang, 2012](#)). Menerusi gabungan bersama perwakilan demokrasi ([Samsudin dan Shaharuddin, 2012](#)) kerajaan masih dibawah kuasa rakyat yang mana rakyat bebas bersuara ([Meerangani dan Ramli., 2016](#)) manakala raja pula berperanan sebagai ketua agama dalam sebuah negara ([Muslim, 2014; Latif dan Abdullah, 2008](#)). Malaysia merupakan sebuah negara yang telah lama mengamalkan sistem demokratik. Ianya telah terbentuk dalam sebuah kerajaan besar yang diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong setelah melalui proses pemilihan oleh Majlis Raja-Raja pada setiap lima tahun sekali.

Sistem Raja Berpelembagaan yang mengenengahkan agama islam sebagai agama rasmi ([Latif dan Abdullah, 2008](#)) terus dipraktikkan dalam negara Malaysia sejak lebih 50 tahun yang lalu ([Muslim dan Buang, 2012; Muslim, 2014](#)). Malah sistem ini merupakan sebahagian kontrak sosial dalam kalangan rakyat ([Muslim, 2014; Bari, 2002; Jamian et al., 2017](#)) yang sangat mengutamakan aspek keadilan rakyat ([Jamian et al., 2017](#)). Justeru pemahaman yang luas dan mendalam terhadap Sistem Raja Berpelembagaan wajar ada dikalangan rakyat Malaysia melalui pendedahan sewajarnya ([Adam dan Ishak., 2014](#)).

Dalam usaha mewujudkan kesedaran ke atas keberadaan sistem ini, sistem Raja berpelembagaan telah pun dijadikan sebagai sebahagian tajuk penting dalam penyampaian mata pelajaran sejarah disekolah

(Samsudin dan Shaharuddin, 2012; Muslim, 2014). Umumnya peruntukan mata pelajaran sejarah dalam kurikulum sekolah merupakan satu agenda kementerian Pendidikan Malaysia dalam memartabatkan semangat jatidiri negara (Kaviza, 2019a). Kini kronologi sejarah bangsa (Gilbert; 2011) telah menjadi sebat dalam jiwa rakyat Malaysia. Olahan kandungan silibus yang disediakan telah berjaya membentuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.


Penekanan matapelajaran sejarah sebagai mata pelajaran teras sekolah (Ahmad dan Jingga. 2015; Samsudin dan Shaharuddin, 2012; Ligun et al, 2017), telah diperhebatkan dengan beberapa siri semakan kurikulum (Kaviza et al, 2018) agar kandungannya mantap dan sejarah dengan keperluan pelajar. Sistem Raja Berpelembagaan yang merupakan salah satu dari tajuk pembelajaran merupakan komponen penting yang wajar ditikberatkan. Hal demikian kerana pembelajaran Raja Berpelembagaan mampu memupuk kesedaran pelajar di pelbagai etnik (Muslim et al., 2011; Muslim, 2014)

Namun tahap pemahaman dan kesedaran keatas sistem Raja Berpelembagaan ini sangatlah bergantung kepada kandungan (Gilbert, 2011; Young, 2012; Samsudin dan Shaharuddin, 2012) serta kaedah penyampaian (Si et al., 2019; Waring dan Scheiner-Fisher, 2014; Samsudin dan Shaharuddin, 2012; Ahmad et al., 2009; Kaviza et al, 2018) mata pelajaran sejarah disekolah: Hal demikian kerana kandungan silibus yang lengkap ditambah dengan kaedah penyampaian yang menarik dapat menarik perhatian pelajar sekaligus menyemarakkan semangat pelajar untuk belajar dan mengambil berat akan sistem raja berpelembagan.

Menurut Abdul ahman et al (2015), guru merupakan pihak yang memainkan peranan yang penting dalam memantapkan kefahaman pelajar terhadap matapelajaran sekolah. Seorang guru seharusnya mempunyai elemen kompetensi untuk menjadi guru yang baik (Ahmad dan Jingga, 2015) serta mempunyai emosi yang positif. (Si et al (2019)). Pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah memerlukan satu perubahan pendekatannya tertentu bagi menjamin keberkesanannya (Ahmad et al, 2009). Pengajaran yang berkesan dikatakan perlu berasaskan sumber yang jelas (Gilbert., 2011; Kaviza, 2019a) dan disampaikan dengan cara yang terbaik (Talin, 2015; Salleh dan Siraj, 2016) dengan bersandarkan profil pelajar yang berbeza (Gilbert., 2011). Kaedah penyampaian juga mungkin perlu melibatkan imej visual atau fiksyen yang menarik (Young, 2012) serta lawatan pelajar ke muzium (Ligun et al., 2017). Amnya aspek kandungan dan penyampaian mata pelajaran sejarah disekolah perlu dikaji sejauh mana keberkesanannya.

## KAEDAH PENYELIDIKAN


Data kajian diperolehi menerusi borang selidik yang diedarkan ke atas 305 mahasiswa yang baru mendaftar di Kampus UiTM Shah Alam. Data ini dijalankan analisis diskriptif dan inferensi menerusi perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21. Sebanyak 1 pembolehubah bersandar dan 8 pembolehubah bebas dijalankan analisis kebolehpercayaan (*Reliability test*) bagi melihat kewajarannya dalam kontek kajian. Seterusnya 8 pembolehubah bebas yang terdiri dari komponen kandungan pengajaran mata pelajaran dan penyampaian mata pelajaran sejarah dianalisis pencapaian skor pada 3 kategori skala yang berbeza. Analisis korelasi (Cresswell, 2014) *person chi square* dijalankan diantara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas bagi melihat status signifikan dan kesan kandungan pembelajaran dan penyampaian mata pelajaran sejarah di sekolah ke atas persepsi mahasiswa terhadap Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia.



Gambarajah 1: Rangka Teori Kajian

## HASIL KAJIAN

305 mahasiswa yang baru mendaftar di UiTM cawangan Shah Alam merupakan responden yang terlibat dalam penyelidikan ini. Analisis profil memaparkan latar belakang sekolah terakhir mereka adalah dari 9 kategori utama. Sekolah menengah biasa merupakan sampel yang paling banyak dengan 73% diikuti oleh sekolah kluster kecemerlangan (12.1%) dan sekolah berasrama penuh (8.9%). Manakala 6 jenis kategori sekolah yang lain mencatatkan peratusan antara 0.3% sehingga 3.3% sahaja. (Rujuk Gambarajah 2)




Gambarajah 2: Peratusan responden mengikut kategori sekolah terdahulu

Seterusnya hasil Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*) ke atas 9 pembolehubah kajian memaparkan nilai Cronbach's Alpha yang tinggi. Kesemuanya mencatatkan nilai melebihi 0.75 iaitu antara 0.858 sehingga 0.886. Ini menunjukkan soalan yang diutarakan berhubung kontek pengajaran mata pelajaran sejarah boleh dipercayai yang mana soalan difahami oleh responden dan data ini boleh digunakan bagi analisis berikutnya (Jadual 1).


Pembolehubah	Item	Cronbach's Alpha
Pembolehubah Bersandar	Sistem raja berpelembagaan di malaysia masih relevan pada masa kini	.886
	Menekankan sejarah perlembagaan malaysia	.865
	Menjunjung sistem beraja	.865
Pembolehubah bebas	Mengetengahkan toko-tokoh raja yang terbilang	.865
	Disampaikan secara telus dan jelas	.865
	Disampaikan secara santai dan menghiburkan	.884
	Diajar oleh guru yang berpengalaman	.868
	Menyuntik semangat perpaduan	.859
	Memberi aspirasi kepada pembangunan negara maju	.858

Jadual 1: Nilai kebolehpercayaan bagi pembolehubah kajian.

Gambarajah 3 memaparkan catatan nilai peratusan yang positif ke atas kewajaran Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Menerusi ukuran 5 skala, (sangat tidak setuju, tidak bersetuju, sederhana, setuju dan sangat bersetuju) 88.5% mahasiswa bersetuju dengan adanya Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Hanya 1.3% responden tidak bersetuju dengan adanya Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Dapatkan ini juga menyumbang nilai skor purata yang tinggi iaitu sebanyak 4.42 dalam lingkungan skala 1 hingga 5. Ini menunjukkan sebahagian besar mahasiswa menerima baik pengamalan Sistem Raja Berpelembagaan di dalam negara ini.



Gambarajah 3: Peratusan skor kewajaran Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia



Gambarajah 4: Pencapaian Skor pengajaran dan penyampaian mata pelajaran sejarah di sekolah


Gambarajah 4 memaparkan skor bagi kandungan dan penyampaian mata pelajaran sejarah disekolah. Skor frekuensi pembolehubah bebas ini dicerap dalam 3 kategori skala yang berbeza. Kajian mendapat lapan pembolehubah yang diukur mencatatkan skor yang tinggi bagi skala ‘bersetuju’ iaitu dengan catatan nilai antara 80.7% hingga 92.8%. Hanya sebahagian kecil sahaja mencatatkan nilai kurang pasti dan tidak bersetuju. Ini menunjukkan terdapat sebilangan kecil mahasiswa kurang berpuas hati dengan kandungan dan penyampaian pengajaran mata pelajaran sejarah disekolah. Penyampaian mata pelajaran sejarah oleh guru mungkin terlalu serius dan kurang santai sehingga membuatkan pelajar ketika itu kurang selesa atau berminat terhadap kandungan pengajaran yang disampaikan oleh guru (12.5%). Secara amnya, kesemua lapan pembolehubah bebas yang dikaji mencatatkan nilai yang kurang baik iaitu antara 6.2% sehingga

12.5%. Walaupun ianya hanyalah nilai yang kecil, namun ia mampu memberi impak yang besar ke atas persepsi pelajar dan seterusnya bakal mahasiswa ke atas Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia.

<b>Pembolehubah Bebas</b>	<b>Penyampaian Mata pelajaran Sejarah</b>	<b>Asymp. Sig. (2-sided)</b>	<b>Pearson Chi-Square Value</b>
Kandungan	a) Menekankan sejarah perlembagaan	.000	137.203 <sup>a</sup>
	b) Menjunjung sistem beraja	.000	76.987 <sup>a</sup>
	c) Mengetengahkan toko-tokoh raja yang terbilang	.000	82.756 <sup>a</sup>
Pembolehubah	d) Disampaikan secara telus dan jelas	.000	64.308 <sup>a</sup>
	e) Disampaikan secara santai dan menghiburkan	.002	30.647 <sup>a</sup>
	f) Diajar oleh guru yang berpengalaman	.000	121.720 <sup>a</sup>
	g) Menyuntik semangat perpaduan	.000	77.887 <sup>a</sup>
	h) Memberi aspirasi kepada pembangunan negara maju	.000	82.373 <sup>a</sup>

Jadual 2: Hasil Korelasi *Person Chi Square* antara Pembelajaran mata pelajaran sejarah dan persepsi mahasiswa terhadap Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara pembelajaran mata pelajaran sejarah dan Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Kesemua pembolehubah yang dikaji mencatatkan nilai Asymp. Sig. (2-sided) yang signifikan ( $<0.05$ ) iaitu antara 0.000 dan 0.002. Ini membuktikan kontek kandungan dan penyampaian mata pelajaran sejarah di sekolah sangatlah memberi kesan keatas persepsi mahasiswa terhadap pengamalan Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Kadar kesan ini boleh dirujuk kepada nilai Pearson Chi-Square Value. Jadual 2 memaparkan nilai *Pearson Chi-Square Value* antara pembolehubah pada kadar sederhana ( $<50^a$ ), tinggi (50-100<sup>a</sup>) dan sangat tinggi (>100<sup>a</sup>) iaitu dengan catatan nilai antara 30.647<sup>a</sup> sehingga 137.203<sup>a</sup>.



Gambarajah 5: Kesan kandungan dan penyampaian mata pelajaran sejarah disekolah ke atas persepsi mahasiswa terhadap sistem Raja Berperlembagaan.

Kesan mata pelajaran sejarah yang ketara dapat dilihat pada gambarajah 5. Dari 8 aspek yang dikaji, Kandungan mata pelajaran sejarah yang menekankan sejarah perlembagaan sangat mempengaruhi pandangan mahasiswa terhadap Sistem Raja Berpelembagaan (137%). Manakala penyampaian mata pelajaran sejarah oleh guru yang berpengalaman mencatatkan nilai kesan 122%. kedua-dua aspek ini sangat memberi kesan terhadap persepsi mahasiswa sehingga melebihi paras normal iaitu melebihi nilai 100. 2 aspek kandungan pengajaran yang berhubung sistem beraja dan tokoh-tokoh sejarah telah memberi kesan masing-masing sebanyak 77% dan 83%. Begitu juga dengan kandungan mata pelajaran sejarah yang disampaikan secara telus dan jelas (64%) telah menyuntik semangat perpaduan (78%) dalam diri pelajar disamping mewujudkan idea kearah pembangunan negara yang maju (82%). 3 aspek penyampaian ini memberikan kesan yang tinggi ke atas persepsi mahasiswa dalam memastabatkan Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Namun kaedah penyampaian yang kurang santai dan tidak menghiburkan didapati telah memberikan kesan yang agak rendah ke atas persepsi pelajar dan mahasiswa (31%).

## KESIMPULAN

Pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah sememangnya mempengaruhi minda para pelajar dan seterusnya memberi kesan kepada persepsi mereka yang sudah bergelar mahasiswa universiti. Hasil kajian membuktikan aspek penyampaian mata pelajaran ini mampu mewujudkan persepsi yang berbeza ke atas sistem Raja Berpelembagaan. Kandungan dan penyampaian mata pelajaran disekolah sewajarnya ditekankan seperti mana yang disarankan oleh pengkaji terdahulu (Si et al., 2019; Waring dan Scheiner-Fisher, 2014; Samsudin dan Shaharuddin, 2012; Ahmad et al., 2009; Kaviza et al, 2018) bagi memastikan persepsi keatas sistem Raja Berpelembagaan terus mekar disanubari rakyat Malaysia. Justeru kaedah penyampaian mata pelajaran sejarah wajar dikaji semula perlaksanaannya. Kaedah penyampaian yang lebih menarik dan interaktif seperti yang disarankan oleh Ligun et al., (2017) dan Young (2012) mungkin boleh disarankan perlaksanaannya agar intipati Sistem Raja Berpelembagaan kelihatan lebih menarik, senang diterima oleh golongan muda sekaligus menyemai semangat yang tinggi dalam mendaulatkan sistem Raja Berpelembagaan.

## RUJUKAN

- Ahmad A., Abd Rahman S. H., Abdullah N.A. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal pendidikan Malaysia*, 34 (1), 53-66.
- Ahmad A., Jinggan N., (2015), Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-11.
- Abdul Rahman, N. A.S., Mohd Noor, M. A., Yusof R., Yusof H., (2015) Kesahan Model Amalan Kepimpinan Gur., *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(3), 1-11.
- Adam R., Ishak N. A., (2014) Persepsi dan pengetahuan rakyat terhadap institusi Raja Malaysia: satu kajian kes di Perlis dan Kedah pada 2014. *Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia*, UniMAP, 2014-06)
- Bari A. A (2002). Halangan-halangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Dalam Perlembagaan Malaysia. *Jurnal Syariah* 10(1), 31-42.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Edition). United States of America: Pearson New International Edition.
- Gilbert R., (2011) Can History succeeds at school? Problem of knowledge in the Australian History curriculum. *Australian Journal of Education*, 55 (3), 245-258.
- Jamian M. N., Mphd Yusof M.Y., Hanafiah M. G., Yunos Y., (2017). Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi Ke Kontemporeri. *Jurnal Melayu*, 16(1), 62-81.
- Kaviza M., (2019 a) Hubungan antara Amalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 44 (1), pp. 29-36
- Kavida M., (2019 b) Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Dalam Kalangan Murid., *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 30-38.
- Kaviza M., Abdul Rahim F., Bukhari N., (2018) Tahap Kesediaan Guru-Guru Sejarah Dalam Melaksanakan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Sumber Sejarah: Satu Tinjauan Di Negeri Perlis. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 24-31.
- Latif H. M., Abdullah C. A. (2008). Islam dalam perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan kesulatanan Melayu, *REKAYASA-Journal Of Ethics, Legal And Governance*, Vol 4, 1-12.
- Ligun S.A., Awang M. M., Ahmad A. R., Hamzah M. I., Hasan N. W., (2017). Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 19-30.
- Meerangani K. A., Ramli R., (2016) Hak Asasi Non Muslim Di Malaysia Menurut Perlembagaan Persekutuan Dan Prinsip Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, 1 25(3), 18-29.

Muslim N., (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 2(2), 121 – 127.

Muslim N., Buang A. H., (2012). Islam dalam perlembagaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia, *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 115-129.

Muslim N., Jalil F., Bari A. A., Mohd Noor M., Mastor K.A., (2011). Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia, *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 105-125.

Samsudin M. Shaharuddin S., (2012). Pendidikan Dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah Di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39 (2) (December 2012).

Waring, S.M., Scheiner– Fisher, C. (2014). Using SOURCES to allow digital natives to explore the Lewis and Clark Expedition. *Middle School Journal*, 45(4), 3-12.